

# **Penerapan Kemahiran Generik Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)**

Norani Mohd Noor & Peremalatha Nadaraja  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Kemahiran generik merupakan satu kemahiran yang penting dan wajib diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kemahiran generik meliputi kemahiran komunikasi, kemahiran berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran interpersonal. Penerapan kemahiran generic dapat membantu pelajar meningkatkan diri mereka dalam pelbagai aspek. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan penerapan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mata pelajaran Kemahiran Hidup. Responden terdiri daripada 28 orang pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru tahun ketiga di Universiti Teknologi Malaysia dalam jurusan kemahiran hidup. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang mengandungi 45 item soalan yang dibina bagi menjawab 3 persoalan kajian. Kebolehpercayaan instrumen kajian telah diuji dalam kajian rintis dan mendapat nilai Alpha 0.896. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 14.0 (Statistical Package for Social Science SPSS for Windows) bagi mendapat nilai peratusan, frekuensi dan min. Hasil kajian menunjukkan penerapan jenis-jenis kemahiran generik serta cara penerapan kemahiran generik oleh guru mendapat tahap min yang tinggi. Respon terhadap faktor sokongan juga mendapat tahap min yang tinggi. Berdasarkan dapatan ini, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan penerapan kemahiran generik dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah.

*Katakunci* : kemahiran generic, kemahiran hidup bersepadu

## **Pengenalan**

Sistem pendidikan di Malaysia kini berkembang pesat seiring dengan era globalisasi yang semakin membangun se pantas kilat. Sebagaimana yang diketahui umum kelahiran generasi yang beretika, berinovasi, kreatif dan berpendidikan terletak di tangan warga guru. Boleh juga dikatakan guru merupakan orang yang bertanggungjawab untuk melahirkan bakal ketua negara dan generasi yang berbakat serta berilmu pengetahuan. Seringkali kita dikejutkan dengan pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan untuk menerajui perkembangan teknologi dan maklumat masa kini. Kita akan ketinggalan jauh sekiranya tidak menyahut cabaran semasa dalam dunia yang penuh dengan matrialistik kini.

Perubahan sistem pendidikan menjadikan tugas guru lebih mencabar dan dipertikaikan setiap saat. Pada tahun 2003 yang lepas, Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan *Trends in Mathematics and Science Study (TIMSS)* atau lebih dikenali sebagai *Items* menggemparkan dunia pendidikan negara kita. Perkara ini membebaskan pelbagai pihak mahupun dari golongan pentadbir sehinggalah ke ibu-bapa. *TIMSS* ini menelan belanja yang tinggi dari segi pembelian alat pengajaran elektronik seperti laptop, projektor LCD dan juga pembelian dan pembuatan perisian terbaru yang sesuai dengan pembelajaran. Perbelanjaan menganjurkan pelbagai kursus bagi guru-guru dan percetakan semula buku teks dalam bahasa Inggeris menelan belanja yang banyak.

Pendidikan merupakan satu usaha melahirkan insan yang berilmu, bersahsiah serta modal insan yang tinggi, befikiran kekitaan, bertanggungjawab, berkomunikasi dan menerima cabaran.

Cabaran globalisasi dan ekonomi negara memerlukan rakyat Malaysia yang lebih berpengetahuan, lebih berkemahiran, lebih berdisiplin, mengutamakan kualiti, serta berfikiran terbuka.

Kemahiran generik dapat dikategorikan sebagai interpersonal, menyelesaikan masalah, tanggungjawab, komunikasi, kemahiran berfikir dan kerja secara berkumpulan. Aspek-aspek ini amat diperlukan untuk seseorang individu yang ingin berjaya dalam kerjaya mahupun dalam kehidupannya. Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dirancang oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1990) untuk meningkatkan daya pengeluaran negara melalui penglibatan masyarakat secara produktif, inovatif dan kreatif serta proses pembentukan pelbagai jenis tenaga kerja yang mengenali dan memahami teknologi dan ekonomi sejajar dengan dasar dan keperluan negara kini.

### **Penyataan Masalah**

Dalam era teknologi maklumat yang lebih canggih kini, rakyat tidak seharusnya hanya bergantung kepada kemahiran teknikal semata-mata, namun mereka harus memiliki kemahiran generik untuk berjaya dalam hidup dan dunia pekerjaan.

Kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam bidang kerjaya telah berubah dalam masa dua dekad ini. Kebanyakan majikan masa kini mengambil pekerja yang berkemahiran teknikal namun memerlukan para pekerja yang berkemahiran bukan teknikal seperti pekerja yang memiliki kemahiran berkomunikasi, kemahiran intrapersonal, kemampuan bekerja dalam kumpulan, membuat penyesuaian di tempat kerja, kepimpinan dan intensif.

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji penerapan kemahiran generik dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan ialah untuk:

- i. mengenal pasti jenis-jenis kemahiran generik yang diterapkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.
- ii. mengenal pasti teknik-teknik mengajar yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk penerapan kemahiran generik ini.
- iii. mengenal pasti faktor sokongan yang digunakan oleh guru dalam proses penerapan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran

### **Kepentingan Kajian**

Hasil kajian yang akan dijalankan ini diharapkan dapat memberi gambaran sebenar mengenai kemahiran generik dengan jelasnya. Kajian ini juga diharapkan memberikan manfaat aplikasi kemahiran ini kepada rakyat Malaysia serta melahirkan rakyat yang lebih produktif dan berkaliber.

*Guru* : Hasil kajian ini diharapkan menjelaskan kepentingan guru Kemahiran Hidup Bersepadu menerapkan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kemahiran generik diterapkan untuk melahirkan pelajar yang berkebolehan bukan sahaja setakat lulus peperiksaan tetapi pelajar yang memiliki kemahiran seperti dapat berkomunikasi, menyesuaikan diri, bekerja dalam kumpulan serta memiliki kemahiran penyelesaian masalah serta memiliki kemahiran interpersonal.

*Pelajar* : Mempelajari kemahiran generik sebagai kemahiran tambahan demi menyiapkan diri untuk alam pekerjaan yang lebih mencabar dan penuh dengan dugaan. Negara Menerusi aspek penerapan kemahiran generik angka siswazah yang menganggur dapat dikurangkan.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian yang akan dijalankan adalah kajian jenis deskriptif, iaitu satu tinjauan secara soal selidik yang mana bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan mendapatkan maklumat mengenai suatu peristiwa yang telah berlaku. Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana merasakan ianya paling sesuai untuk mendapatkan maklumat secara terperinci tentang persepsi guru terhadap penerapan kemahiran generik dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah menengah. Menurut Mohamad Najib (1999), kajian berbentuk ini sesuai digunakan dalam penyelidikan yang akan menerangkan satu fenomena yang sedang berlaku. Data dan maklumat mengenai persoalan kajian akan diperolehi dengan kaedah soal selidik.

Azam, (2000) menyatakan bahawa kaedah ini merupakan kaedah yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada subjek selain dari membuat pemerhatian tingkah laku mereka. Selain itu ia dapat mengumpulkan data dengan lebih mudah dan sesuai dengan responden dalam kajian ini. Penggunaan soal selidik juga dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan semasa mengumpul data. Hasil dari soal selidik juga dapat menghasilkan item-item yang konsisten. Tumpuan akan diberikan kepada guru-guru Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) Kemahiran Hidup tahun ketiga di UTM, Skudai.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi sasaran dalam kajian ini adalah guru-guru Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) Kemahiran Hidup tahun ketiga di UTM, Skudai. Terdapat seramai 28 orang yang mengikuti program ini. Bagi tujuan penyelidikan ini penyelidik telah memilih seramai 28 orang responden untuk mewakili populasi guru-guru Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) Kemahiran Hidup tahun ketiga di UTM, Skudai. Pemilihan sampel ini dibuat mengikut jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) (dalam Chua Yan Piau, 2006).

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis ini akan dijalankan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian dijalankan. Selain itu juga, kajian rintis ini akan digunakan untuk mengkaji masalah-masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik dijalankan.

Selepas item-item soal selidik disahkan oleh pensyarah yang berkenaan, maka kajian rintis akan dijalankan kepada 10 orang guru PKPG tahun keempat (KH), UTM, Skudai . Menurut Mohd. Najib (1999), soal selidik yang mempunyai indeks kebolehpercayaan dan keesahan melebihi 0.7 adalah boleh digunakan sebagai alat ukur sesuatu kajian. Ini akan menunjukkan soal selidik ini boleh digunakan atau sebaliknya. Penyelidik mendapat nilai aplha 0.896 menerusi kajian rintis yang dijalankan kepada 10 orang guru PKPG tahun keempat (KH), UTM, Skudai.

### **Instrumen Kajian**

Alat instrumen yang digunakan oleh penyelidik ialah soal selidik yang berfungsi mengumpul maklumat berkaitan dengan pembolehubah yang menjadi bahan kajian. Instrumen

berbentuk soal selidik dipilih oleh penyelidik kerana secara rasionalnya ia senang dan mudah untuk ditadbir serta mempunyai piawai yang tetap dan senang ditadbirkan kepada responden. Ee Ah Meng (1997), menjelaskan bahawa kajian yang menggunakan soal selidik mempunyai kelebihan iaitu:

- i. Tidak memerlukan ramai kakitangan untuk mengendalikannya
- ii. Boleh digunakan untuk satu kelompok yang ramai dan maklumat boleh dikumpulkan sekaligus.
- iii. Banyak masa dan perbelanjaan dapat dijimatkan
- iv. Instrumen boleh dicuba terlebih dahulu bagi mengukur kesesuaiannya dengan responden yang diuji

Intrumen kajian terbahagi kepada dua kategori utama iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

### **Analisis Data : Apakah Faktor Sokongan Dalam Proses Penerapan Teknik Kemahiran Generik Di Sekolah?**

Keseluruhan item yang menjawab persoalan kajian ini adalah lima item.

**Jadual 4.14** Peratus dan Piawaian Respon Guru terhadap Faktor Sokongan Dalam Penerapan Teknik Kemahiran Generik di Sekolah

Bil	Faktor Sokongan	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		f	%	f	%	f	%	
1	Guru - guru telah mengikut latihan atau kursus berkaitan dengan kemahiran generik	2	7.1	3	10.7	23	82.1	4.18
2	Guru - guru selalu didedahkan dengan bengkel ataupun <i>in house training</i> tentang kemahiran generik	1	3.6	7	25	20	71.4	4
3	Pihak penguasaan sekolah menyediakan peruntukan untuk membeli alatan dan bahan untuk amali kerja pelajar	2	7.1	5	17.9	21	75	4.04
4	Guru pakar sering membantu dan membimbing guru KH apabila mereka menghadapi masalah dalam P&P	3	10.7	4	14.3	21	75	3.71
5	Guru-guru dibantu dalam menyediakan bahan rujukan yang berkaitan dengan kerja amali pelajar	1	3.6	9	32.1	18	64.2	3.97

Kajian menunjukkan seramai 82.1 peratus guru bersetuju yang mereka mengikuti latihan atau kursus berkaitan dengan kemahiran generik sebagai faktor sokongan dalam penerapan teknik kemahiran generik di sekolah. Seramai 10.7 peratus guru pula tidak pasti akan perkara ini dan manakala seramai 7.1 peratus guru memberi respon yang mereka tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 71.4 peratus guru memberi respon bersetuju dengan kenyataan guru-guru selalu didedahkan dengan bengkel ataupun *in house training* tentang kemahiran generik di sekolah. Namun terdapat 25 peratus guru memberi respon dimana mereka tidak pasti tentang kenyataan ini. Manakala seramai 3.6 peratus guru menyatakan mereka tidak setuju dengan kenyataan itu.

Dapatan kajian menunjukkan seramai 75 peratus guru bersetuju dimana pihak pengurusan sekolah menyediakan peruntukan untuk membeli alatan dan bahan untuk amali kerja pelajar. Walaubagaimanapun seramai 17.9 peratus guru memberi respon bahawa mereka tidak pasti dengan kenyataan ini. Namun seramai 7.1 peratus guru menyatakan mereka tidak setuju dengan pihak pengurusan sekolah menyediakan peruntukan untuk membeli alatan dan bahan untuk amali kerja pelajar. Kajian juga menunjukkan seramai 75 peratus guru memberi respon yang mereka bersetuju dimana guru pakar sering membantu dan membimbing guru KH apabila mereka menghadapi masalah dalam P&P. Respon seramai 14.3 peratus menyatakan mereka tidak pasti akan perkara tersebut manakala seramai 10.7 peratus guru pula tidak bersetuju dengan kenyataan yang guru pakar sering membantu dan membimbing guru KH apabila mereka menghadapi masalah dalam P&P. Hasil kajian menunjukkan seramai 64.2 peratus guru memberi respon bersetuju dimana guru-guru dibantu dalam menyediakan bahan rujukan yang berkaitan dengan kerja amali pelajar. Seramai 32.1 peratus guru memberi respon tidak pasti dengan kenyataan ini dan manakala respon seramai 3.6 peratus tidak setuju dengan kenyataan guru-guru dibantu dalam menyediakan bahan rujukan yang berkaitan dengan kerja amali pelajar.

## **Kesimpulan**

Beberapa faktor-faktor yang perlu diambil kira melalui hasil kajian iaitu:

*i. Kemahiran komunikasi yang diterapkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)*

Menerusi kajian yang dilakukan kebanyakan guru menerapkan kemahiran komunikasi dalam proses pengajaran mereka. Namun penerapan kemahiran ini harus diterapkan di kalangan semua guru bagi mendapat maklum balas yang baik. Kepentingan penerapan kemahiran komunikasi harus diterangkan kepada guru-guru dengan sewajarnya. Kebolehan berkomunikasi dengan rakan mendapat nilai min yang tertinggi iaitu 4.29. Manakala nilai min yang terendah diperolehi ialah 3.68 pada kebolehan membenteng hasil tugasan di dalam kelas. Dapatan ini menunjukkan faktor komunikasi diterapkan dengan jayanya dalam proses P&P mata pelajaran Kemahiran Hidup di mana nilai min keseluruhannya melebihi 3.68. Maka dengan jelas boleh dikatakan bahawa penerapan kemahiran komunikasi di kalangan pelajar boleh diaplikasikan dengan jayanya.

*ii. Kemahiran berpasukan yang diterapkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)*

Dapatan kajian menunjukkan separuh daripada guru kerap menerapkan kemahiran ini dalam proses P&P mereka. Namun bilangan itu tidak mencukupi bagi penerapan kemahiran ini secara menyeluruh. Guru-guru harus diberi pendedahan terhadap perkara ini dengan sebaik mungkin. Kebolehan bekerjasama dengan rakan dalam kumpulan menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.32 dan kebolehan memainkan peranan dalam merancang mendapat nilai min yang terendah iaitu 3.93. Min yang ditunjukkan dapat memberi gambaran bahawa penerapan kemahiran berpasukan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) amat sesuai. Dapatan ditafsirkan bahawa penerapan kemahiran berpasukan harus ditingkatkan dalam proses P&P.

*iii. Kemahiran menyelesaikan masalah yang diterapkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)*

Kemahiran menyelesaikan masalah diterapkan dalam proses P&P namun penerapan kemahiran ini harus ditingkatkan dan penekanan keatas kepentingannya harus diambil kira. Perkara ini disokong dengan hasil kajian yang menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 3.79

dalam penerapan kebolehan mengenal pasti masalah yang wujud dan kebolehan mencari jalan alternatif bagi menyelesaikan masalah yang wujud mendapat nilai min yang terendah diperolehi iaitu 3.57. Ini menunjukkan penerapan kemahiran menyelesaikan masalah harus ditingkatkan lagi.

*iv. Kemahiran interpersonal yang diterapkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)*

Penerapan kemahiran interpersonal dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) menunjukkan nilai positif dalam kajian. Hasil kajian menunjukkan nilai min yang tertinggi diperolehi iaitu 4.21 dalam kebolehan beretika semasa menjalankan tugas dan nilai min yang terendah iaitu 3.86 diperolehi dalam keupayaan berfikir secara kritis. Maka penerapan kemahiran interpersonal harus ditingkatkan dalam proses P&P bagi mencapai kepentingannya dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB).

*v. Cara guru menerapkan kemahiran komunikasi yang diterapkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)*

Kebanyakan guru memberikan respon dimana mereka menggunakan pelbagai cara untuk menerapkan kemahiran komunikasi dalam proses P&P namun terdapat juga guru yang tidak begitu pasti akan kaedah penerapan mereka. Perkara ini disokong dengan hasil kajian yang menunjukkan cara guru mengarahkan pelajar mengutarakan idea semasa mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) mendapat nilai min yang tertinggi iaitu 4.32. Manakala cara guru menyemai kebolehan menulis laporan aktiviti dengan baik melalui mengarahkan pelajar menghantar laporan aktiviti amali secara individu mendapat nilai min yang terendah iaitu 3.82. Kenyataan ini menunjukkan yang cara guru menerapkan kemahiran komunikasi diterima dengan baik oleh pelajar. Maka guru, harus bertekad untuk menerapkan kemahiran ini dengan jaya di kalangan pelajar.

*vi. Cara guru menerapkan kemahiran berpasukan yang diterapkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)*

Kebanyakan guru menerapkan kemahiran berpasukan dalam P&P dengan melibatkan pelajar secara khususnya. Namun segelintir guru tidak mengaplikasikan kaedah ini dalam proses penerapan kemahiran ini. Hasil kajian mendapati nilai min yang tertinggi iaitu 4.39 menunjukkan guru memastikan pelajar dapat menyesuaikan diri dengan rakan sekumpulan dalam aktiviti P&P. Manakala nilai min terendah iaitu 4.14 menunjukkan guru memastikan pelajar dalam menghormati keputusan rakan sekumpulan.

## **Rujukan**

- Ahmad Kamil Mohamed (1995). *Keunggulan Komunikasi*. KL : DTP Enterprise Sdn.Bhd.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2006). *Belajar Berfikir* . KL.Percetakan Zafar Sdn.Bhd. Bernama . Minggu Malaysia. 19 Mac 2006.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Malaysia. Mc Graw Hill Education.
- Devito, J. A. (1995). *Human Communication- the Basic Course*. 7th Edition. New York. Addison Wesley.
- Ee Ah Meng (1997). *Pedagogi II : Pelaksanaan Pengajaran*. Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Goeran Nieragden (2000). *The soft skills of business English*. ELT Newsletter. Article 28.
- Hashim Fauzy Yaakob (2001). *Komunikasi Antara Manusia*. Skudai: UTM.
- John, V.T. (2002). *Excellence Business Communication*. 5th ed. USA. Prentice Hall.
- Kamus Dewan (1997). Edisi Ketiga. KL: DBP.
- Longworth N. dan Davies W.K. (1996). *Life Long Learning*. London. Kogan Page.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1996). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : UTM

Mohd Salleh Lebar (1992). *Pembaharuan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. KL. Nurin Enterprise.

Rowena,C. (2005). *Learning the soft skills of leadership*. *Journal of Industrial And Commercial Training*. 37 (1). 45-51.

Saundra, H. dan Richard L.W.II (1995). *Commiting Effectively*. United States. Mc Graw Hill.

Shakoor A Tariq (2001). *Interviewing on campus with skills and confidence*. Black Collegian: The black collegian online. Monthly issue.

Tun Dr. Mahatir (2001). *Laporan Kemajuan Tindakan Keatas Perakuan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara*. ( 31 Disember 2001)

Yahya Buntat dan Muhammad Rashid Rajuddin (2003). *Dimensi kemahiran Employability. Persepsi Pendidik Vokasional & Majikan Industri* , VIR TEC Jurnal, 3(1). Mei 2003. Fakulti Pendidikan. UTM.